

Dr.M: Cari pendekatan baru tingkat kerjasama

JUM 1 AUG 2007

LANGKAWI 31 Julai – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang bermula esok perlu mencari pendekatan baru bagi meningkatkan lagi kerjasama di kalangan negara ke arah mencapai keamanan, keselamatan dan kemakmuran bersama.

Perdana Menteri berkata, amat penting bagi perkongsian pintar itu berbincang isu selain daripada skop tradisional iaitu faedah perniagaan dan komersial.

Beliau berkata, LID seharusnya membincangkan perkembangan semasa dengan mengambil kira peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas serangan penganas di Amerika Syarikat pada 9 September tahun lalu.

“Kita bertemu sekarang selepas bencana 9 September dengan komuniti global berada di persimpangan untuk mencari arah baru bagi mencapai ~~keamanan~~, keselamatan dan kemakmuran bersama untuk semua.

“Keamanan dan keselamatan perlu mempunyai sokongan masa depan bersama yang adil dan saksama serta yang menjanjikan tindakan dalam satu bahagian besar masyarakat dunia, kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri yang merupakan Penaung dan Penasihat LID berkata demikian dalam perutusan buku cenderamata LID Global 2002.

Persidangan yang bermula esok hingga Ahad itu bertajuk *Ke Arah Dunia Yang Lebih Pintar • Meningkatkan Keselamatan dan Kemakmuran Untuk Pembangunan Melalui Perkongsian Pintar*.

Isu utama yang menjadi perbincangan terbuka dan

tidak formal itu ialah mengenai ancaman baru, soal keselamatan dan kemiskinan.

Dr. Mahathir dijadual menyampaikan ucapan utama dan membuka LID kali keenam diadakan di sini pada malam esok.

Perdana Menteri berkata, kesemua dialog sebelum ini membincangkan isu-isu dalam mewujudkan perkongsian pintar untuk kemajuan bersama dalam pembangunan.

“Asas perkongsian pintar yang telah berkembang membantu kita menangani pembangunan utama yang berterusan dalam perubahan corak perdagangan dan persaingan, inovasi teknologi dan globalisasi maklumat.

Serantau

“Kita teruskan kemajuan yang penting ini dalam dialog kali ini yang telah dicapai di peringkat negara, serantau dan antarabangsa tetapi dengan menambah dimensi peristiwa sedih 11 September,” kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, tradisi dialog perkongsian pintar akan diteruskan dalam dialog antarabangsa kali ke-10 itu.

“Dinamika ucapan ikhlas, interaksi, kepercayaan dan perkongsian pada dialog antarabangsa bagi perkongsian pintar tentunya akan membawa negara peserta ke arah kemakmuran bersama,” katanya.

LID dicetuskan oleh Dr. Mahathir pada 1995 di Langkawi.

Sejak itu, falsafah dan konsep itu telah berkembang pula ke negara-negara Afrika antaranya Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID).